



AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

14 Disember 2022

SITUASI SEMASA

Sehingga jam 4.00 petang, 14 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **menurun** kepada empat (4) di mana 9 daerah di negeri Perak, Kelantan, Pahang dan Johor terjejas. Seramai 2579 orang mangsa daripada 765 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 17 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Jumlah ini menunjukkan **pengurangan** berbanding laporan jam 7.00 pagi di mana terdapat 2672 mangsa daripada 809 KIR berlindung di 20 PPS seluruh negara. Terdapat lima (5) buah PPS telah ditutup dan dua (2) buah PPS baharu telah dibuka secara keseluruhan pada hari ini. PPS yang ditutup tersebut terletak di di daerah Muallim (Dewan Sekolah Kebangsaan Slim River), Besut (Balairaya Kampung Pantai), Setiu (Surau Kampung Nyatoh), Kuala Terengganu (Sekolah Kebangsaan Atas Tol) dan Bera (Sekolah Kebangsaan Seri Buntar). Manakala PPS baharu yang dibuka di Kota Tinggi (Dewan Kampung Baru Sungai Mas & Dewan Muafakat Bandar Penawar).

Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **empat (4)** sungai di mana bacaan air berada di tahap **bahaya** iaitu;

- i. Sg. Keratong at Jalan Kota Bahagia, Rompin, Pahang
- ii. Sg. Peneh di Felda Mengkawang, Hulu Terengganu, Terengganu
- iii. Sg. Berang di Kg. Menerong, Hulu Terengganu
- iv. Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan

Selain itu, terdapat **10** sungai di mana bacaan air berada di tahap **amaran** iaitu;

- i. Sg. Muar di Buloh Kasap, Segamat, Johor
- ii. Sg. Muar di Kg. Awat, Segamat, Johor
- iii. Long Teru, Miri, Sarawak
- iv. Sg. Triang di Triang, Bera, Pahang
- v. Sg. Luit di Kg. Subuh, Maran, Pahang
- vi. Sg. Belat di Sri Damai, Kuantan, Pahang

- vii. Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan, Pahang
- viii. Sg. Muar di Pekan Rompin, Jempol, Negeri Sembilan
- ix. Sg. Telemong di Kuala Ping, Hulu Terengganu, Terengganu
- x. Sg. Golok di Kuala Jambu, Tumpat, Kelantan

MET Malaysia pada jam 3 petang, 14 Disember 2022, telah mengeluarkan Ramalan Cuaca Signifikan di mana luruhan monsun dijangka memasuki rantau negara bermula 17 Disember dan berpotensi membawa hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung dalam tempoh 17 – 20 Disember 2022. Sehubungan itu MET turut mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan peringkat Waspada yang melibatkan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuatkuasa bagi tempoh yang sama.

Berikutan Amaran ini, NADMA Malaysia melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) telah mengeluarkan arahan kesiapsiagaan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah untuk mengaktifkan serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang mungkin berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi.

Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah juga diminta untuk memastikan setiap pusat pemindahan sementara (PPS) dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PCTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan.

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal.

Pada jam 4.00 petang 14 Disember 2022, Jabatan Pengairan dan Saliran melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) telah mengemaskinikan notis kesiapsiagaan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh 24 jam yang akan datang.

Lokasi *hotspot* yang disenaraikan melibatkan 14 daerah dari lima (5) buah negeri; Pulau Pinang (Seberang Perai Selatan), Perak (Perak Tengah, Hilir Perak, Kerian, Larut, Matang & Selama), Pahang (Kuantan, Maran, Pekan & Rompin), Johor (Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing & Muar) dan Kedah (Bandar Baharu).

Jabatan Kerja Raya (JKR) pada jam 2.00 petang telah melaporkan sembilan (9) lokasi terkesan kejadian banjir, lapan (8) lokasi cerun runtuh, satu (1) lokasi jalan runtuh, tiga (3) lokasi jalan mendap dan dua (2) lokasi yang dimaklumkan terdapat kejadian jambatan rosak/ runtuh menjadikan jumlah keseluruhan adalah 23 lokasi.

Kejadian-kejadian ini telah berlaku di empat (4) daerah di Kedah, tiga (3) daerah di Negeri Sembilan, lima (5) daerah di Kelantan, empat (4) daerah di Terengganu, lima (5) di Pahang, dan dua (2) di Johor yang melibatkan sembilan (9) jalan persekutuan dan 14 jalan negeri.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian 03-26107727 atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter @CSFJ_JKR.

RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA

Penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: **PublicInfoBanjir** dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi myCuaca di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Masyarakat diingatkan untuk peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera berpindah sekiranya diarahkan (info lanjut: <https://publicinfobanjir.water.gov.my>). Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama
Agenси Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

MAKLUMAT TAMBAHAN



LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA (pada jam 4:00 PM, 14 Disember 2022)



INDIKATOR
■ 1 - 499 Mangsa
■ 500 - 999 Mangsa
■ Melebihi 1000 Mangsa

MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA

Bil. Keluarga Keseluruhan	: 765	Bil. Keseluruhan Negeri	: 5 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan	: 2579	Bil. Keseluruhan Daerah	: 9 Daerah Aktif
		Bil. Keseluruhan Pusat Perindahan	: 17 PP Aktif
		Bil. Pusat Perindahan Ditutup	: 2



Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agenzia Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
No. Telefon: 03-86642400
No. Fax: 03-86642429
E-mel: ndcc@nadma.gov.my, nadarom@nadma.gov.my

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku
Pahang (Pekan dan Rompin) - Johor (Mersing) sehingga 14 Disember 2022

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku
Pahang (Kuantan dan Berapta) - Johor (Segamat, Kluang dan Kota Tinggi) sehingga 14 Disember 2022

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku
Kelantan - Terengganu - Pahang (Jerantut, Maran, Kuantan, Pekan dan Rompin) - Johor (Segamat, Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru) 17 Disember 2022 - 20 Disember 2022



JUMLAH
KESELURUHAN

23

LOKASI

JALAN PERSEKUTUAN

9

JALAN NEGERI

14

LAPORAN KEJADIAN BENCANA

14/12/2022 @ 2:00PM



<http://bencanaalam.jkr.gov.my>



03-2610 7727



@CSFJ_JKR

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN



Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruhan monsun dijangka memasuki rantau negara mulai 17 Disember 2022 dan berpotensi membawa hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung dalam **tempoh 17 - 20 Disember 2022**.

Sehubungan itu, METMalaysia mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuat kuasa daripada 17 sehingga 20 Disember 2022.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web **www.met.gov.my** dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 14 Disember 2022, pada 3.00 petang





JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ALAM SEKITAR DAN PERUSAHAAN IKLIM

NOTIS KESIAPSIAGAAN KEMUNGKINAN BANJIR KILAT (DALAM TEMPOH 24 JAM)

Dikeluarkan pada 14 Disember 2022; 4:00 petang

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-14122022-1600

Berdasarkan maklumat ramalan hujan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sistem Southeastern Asia-Oceania Flash Flood Guidance System (SAOFFGS) dan model ramalan banjir JPS Malaysia, terdapat risiko kejadian banjir kilat di beberapa lokasi sekitarnya hujan lebat/ribut petir yang signifikan berlaku. Berikut adalah senarai kawasan yang berisiko banjir kilat:

PRABN | PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

LOKASI 'HOTSPOT' YANG BERISIKO BANJIR KILAT

Negeri	Daerah	Lokasi 'Hotspot' Yang Berisiko Banjir Kilat Di Kawasan Mukim Berikut:
Johor	Johor Bahru	Plentong serta kawasan sekitarnya.
	Kota Tinggi	Sedili Besar, Sedili Kechil, Tanjung Surat, Ulu Sungai Sedili Besar serta kawasan sekitarnya.
	Mersing	Bandar Padang Endau, Padang Endau, Triang serta kawasan sekitarnya.
Muar		Bandar, Bandar Maharani, Jalan Bakri, Ayer Baloi serta kawasan sekitarnya.
Kedah	Bandar Baharu	Bandar Bandar Baharu, Pekan Lubuk Buntar, Sungai Kecil serta kawasan sekitarnya.
Pahang	Kuantan	Bandar Kuantan, Kuala Kuantan, Pulau Manis,Sungai Karang serta kawasan sekitarnya.
	Maran	Bandar Maran, Chenor, Pekan serta kawasan sekitarnya.
	Pekan	Bebar,Langgar, Pekan, Dong serta kawasan sekitarnya.
	Rompin	Rompin serta kawasan sekitarnya.
Perak	Hilir Perak	Changkat Jong, Durian Sebatang serta kawasan sekitarnya.
	Kerian	Bagan Serai, Kuala Kurau, Parit Buntar serta kawasan sekitarnya.
	Larut, Matang & Selama	Bukit Gantang serta kawasan sekitarnya.
	Perak Tengah	Bota, Layang Layang, Pasir Salak serta kawasan sekitarnya.
Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	Mukim 11, Mukim 7, Nibong Tebal serta kawasan sekitarnya.

PRABN | PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-14122022-1600



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ALAM SEKITAR DAN PERUSAHAAN IKLIM

Notis kesiapsiagaan ini dikeluarkan bagi membolehkan semua penduduk terutamanya di kawasan yang berisiko untuk berwaspada dengan sebarang kemungkinan berlakunya banjir kilat bagi tempoh tersebut.

Sila patuhi arahan pihak berkuasa atau agensi-agensi pengurusan bencana banjir. Sila layari laman sesawang <https://publicinfobanjir.water.gov.my>, Facebook @PublicInfoBanji dan Twitter @JPS_InfoBanjir untuk maklumat lanjut dari semasa ke semasa.

PRABN | PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

No. Rujukan: JPS-NOTISKESIAPSIAGAAN-14122022-1600